




Subsidi  
bersasar  
RON95  
diumum hari ini

HARI : ISNIN  
TARIKH : 7/10/2019  
M/SURAT : 1



## **Saifuddin umum subsidi petrol bersasar hari ini**

KUALA LUMPUR - Program subsidi petrol bersasar akan dibayar secara tunai terus ke dalam akaun bank penerima yang layak dan bukan menggunakan kad subsidi seperti yang dikatakan sebelum ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dilaporkan akan mengumumkan butiran penuh program itu hari ini.

Difahamkan, penerima ialah mereka yang berada dalam senarai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memiliki kenderaan berdaftar.

Sebanyak kira-kira dua juta penerima layak menerima subsidi berkenaan.

Program yang sepatutnya diumumkan pada suku kedua tahun ini mengambil masa kerana beberapa isu yang timbul.

Antaranya pengumpulan data yang memerlukan penelitian, seperti silang semak, data BSH serta data daripada pelbagai agensi dan ja-



SAIFUDDIN

### **Info subsidi petrol:**

- 2 juta penerima layak menerima subsidi berkenaan
- Penerima berada dalam senarai Bantuan Sara Hidup yang memiliki kenderaan berdaftar

batan berkaitan.

KPDNHEP juga telah selesai membuat kajian dan libat urus dengan pemegang taruh, syarikat pembekal petrol, syarikat kewangan serta pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan kepenggunaan.